

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : JULAI – OGOS 2020

SOALAN NO. 489

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan Kementerian dalam usaha menambah baik perkhidmatan kargo di Pelabuhan Lumut, Perak.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pelabuhan di Malaysia boleh dikategorikan kepada Pelabuhan Persekutuan, Pelabuhan Negeri dan pelabuhan persendirian. Pelabuhan Persekutuan terletak di bawah seliaan Kementerian Pengangkutan melalui penubuhan Pihak Berkuasa Pelabuhan bagi tujuan mentadbir pelabuhan-pelabuhan utama seperti Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Lembaga Pelabuhan Klang/Melaka, Lembaga Pelabuhan Johor, Lembaga Pelabuhan Kuantan/Kemaman dan Lembaga Pelabuhan Bintulu. Pelabuhan Negeri dikawal selia oleh Lembaga Pelabuhan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing manakala pelabuhan persendirian pula diurus tadbir operasinya oleh syarikat swasta.

2. Dalam hal ini, Pelabuhan Lumut tidak terletak di bawah kawal selia mana-mana Pihak Berkuasa Pelabuhan Persekutuan mahu pun Kerajaan Negeri. Pelabuhan Lumut merupakan pelabuhan persendirian di Perak yang diuruskan oleh syarikat swasta, iaitu Syarikat Lumut Maritime Terminal Sdn. Bhd. Namun demikian, ianya dikawal selia oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM) di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar (MSO) 1952.

3. Pelabuhan Lumut mengendalikan kargo perindustrian seperti arang batu, batu kapur, simen putih dan asid sulfurik/asid nitrik bagi pelanggan mereka sendiri. Justeru, bagi sebarang penambahbaikan terhadap perkhidmatan dan kendalian kargo di Pelabuhan Lumut, ianya bergantung penuh kepada strategi serta keupayaan syarikat untuk

NO. SOALAN: 489

menarik lebih banyak pelanggan yang ingin menggunakan pelabuhan Lumut sebagai pintu masuk utama kargo mereka. Namun demikian, jenis-jenis kargo yang dikendalikan syarikat adalah tertakluk kepada pandangan dan persetujuan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.